

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: PERASMIAN BUKU
BIOGRAFI SENI LENGKAP ZUNAR DALAM BIDANG KARTUN**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : DATARAN KAMPUNG PACHITAN, PORT DICKSON

Date : 22/07/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

PERASMIAN BUKU BIOGRAFI SENI LENGKAP ZUNAR DALAM

BIDANG KARTUN

22 JULAI 2025 (SELASA) | 12.00 TENGAHARI

PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA

SHAH ALAM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera.

Alhamdulillah rabbil alamin,

Nahmaduhu,

Wa nusolli ala rasoolihil Karim,

Wa ala ahlihi wasahbidi ajmain.

Yang kita raikan, yang Istimewa, pejuang, pelukis, pemberontak (nada seloroh), saudara Zunar dan isteri;

Saudara YAB Dato' Seri Haji Amirudin bin Shari,

Menteri Besar;

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail,

Menteri Dalam Negeri;

YB Datuk Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil,

Menteri Komunikasi;

Rakan rakan dan tetamu-tetamu saya muliakan.

1. Terima kasih kepada Mastura, kerana menyelenggarakan bukan sahaja peluncuran buku kartun, tetapi yang ada signifikan sejarah dan juga mengesankan dari segi kehidupan peribadi saya dan derita yang saya alami. Jadi sebab itu bila Zunar mengundang, agak sukar, baik di KL atau di Penang itu, saya agak sukar untuk menolak.
2. Melukis dengan hati ini tentunya lakaran seorang seniman. Curahan hatinya berdasarkan keyakinan. Oleh kerana curahan itu bebas, tulus, maka risikonya juga besar. Dia berkembang dalam suasana negara yang agak lebih authoritarian, tidak mengizinkan pengucapan seni secara bebas, maka beliau juga turut tertekan dengan suasana itu. Anak-anak muda harus tahu bahawa sekarang keadaan alhamdulillah, berubah.
3. Kita berikan ruang tidak semestinya kita setuju, tidak semestinya sesuai dengan selera kita. Apatah lagi dengan kepentingan sang Penguasa. Tetapi demikianlah suasana persekitaran yang disebut demokratik.
4. Tetapi yang ditekankan juga adalah tentang beberapa penceritaan. Jadi kalau baca buku Zunar itu sebenarnya juga kisah pergelutan politik yang juga sengit pada ketika itu. Dan tentunya tidak disenangi

dulu dan juga sekarang di beberapa kalangan kerana kritiknya itu tajam dan singgungannya itu pedih dan kritikan itu memang mempunyai implikasi politik yang mendalam. Tetapi demikianlah seniman, Pak Samad pun ada, bila menulis itu tidak sangat diambil kira tentang fahaman persekitaran, tetapi pencernaan dari hati nurani berdasarkan keyakinan. Dilontar, dilakar dengan sama ada bahasa atau puisi ataupun dalam konteks ini, lukisan kartun.

5. Sebelum Zunar, kartun memang ada tarikan, Gila-Gila atau sebagainya. Tetapi inilah saya fikir dalam sejarah kita, suatu genre yang menggunakan kartun sebagai memenuhi maksud dan mesej politik yang tebal. Dan tidak boleh menafikan, kartun-kartun beliau itu jadi popular Cuma tidak guna Copyright, saya tengok disebar dicetak semula. Sebab itu kita harus bayar baliklah dengan membeli buku daripadanya. Sebab berpuluh tahun dia beri sumbangan terutama dalam era reformasi itu orang tak beli, orang semua cetak.
6. Ratusan ribu saya fikir dalam beberapa keadaan, jutaan dan itu sering memberi gambaran tentang kemelut ketika itu meluapnya kemarahan tentang skandal-skandal, terutama rasuah, kezaliman, penyalahgunaan kuasa, hakim-hakim yang diatur. Sebab itu kadang-kadang bila dibicarakan tentang badan kehakiman sekarang, saya anggap sesetengah itu seolah-olah tidak tahu langsung sejarah. Orang-orang yang kadang-kadang bersekongkol dengan segala penindasan, kezaliman dulu mahu bicara tentang kebebasan.
7. Di sebaliknya, bagi kami yang melalui itu percaya dan yakin bahawa ia harus jadi pengajaran yang penting, bahawa badan kehakiman itu

harus kekal menjadi tunggak utama dalam negara, harus kekal bebas tanpa campur tangan politik kerana pengalaman kita menyebabkan kita harus lebih matang, kerana campur itu akan menyebabkan penderaan kepada rakyat yang tidak bersalah.

8. Begitu juga dalam sistem pengurusan ekonomi. Macam skandal demi skandal, dari Scorpene-nya kepada 1MDB-nya. Itu dalam lakaran kartun. Saya setuju dengan apa yang disinggung oleh saudara Zunar bahawa melukis kartun itu, mudah, tetapi melukis dengan kefahaman dan keyakinan itu tentunya sukar. Dan saya kagum dengan Zunar itu bukan sekadar kerana dia dalam banyak lukisan itu juga menunjukkan simpati kepada saya. Tetapi, dengan kepintaran beliau menggunakan bahasa yang sedikit tetapi melukis untuk memberi kefahaman yang mendalam, itu hanya kerana keupayaan dan menghadam isu dan masalah melalui pembacaan dan menelaah secara lebih mendalam.
9. Jadi, sebab itu saya masih berpandangan bahawa karya-karya beliau itu penting bukan sahaja dari sudut menyingkap lembaran sejarah, tapi pengajaran daripada kita. Apa yang harus kita pelajari, apa yang kita harus elakkan untuk menyelamatkan negara, mesti pastikan perasingan kuasa, tanggungjawab bersama. Kalau diandaikan bahawa badan kehakiman itu sesuatu yang mulia, pernah terbukti, rosak dan juga terpalit dengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.
10. Kalau difikirkan kedudukan politik Perdana Menteri atau Menteri Kewangan itu memikul amanah dengan baik, tidak semestinya,

kerana terbukti menggunakan kuasa untuk menggondol kekayaan yang berlebihan. Dan ini semua dalam paparan saudara Zunar.

11. Ada yang melahirkan kebimbangan, iaitu tentang AI. Saya setuju, kerana dalam dasar negara kita, MADANI tentang AI itu tidak kita kesampingkan dan pisahkan soal nilai. Dan agak menarik kerana diketahui semua, dengan Infenion, Invidia, Google, Microsoft, selalu kalau jumpa ketua-ketua mereka, saya selalu tanya soalan bagaimana mereka harus jawab. Dan tanpa kecuali semua mengaku, ya betul Ai ini latest creativity art, new technology. Tetapi dia tahu bahawa apa yang dilontar dan dimuntahkan oleh Ai itu adalah apa yang dimasukkan? Jadi yang dimasukkan sekarang ini, ChatGPT dan lain-lainnya, Google itu adalah yang dilaku, dilakar oleh negara Barat, khususnya Amerika Syarikat, atau China sekarang atau mana-mana lain.
12. Jadi kalau kita nak pastikan bahawa kekuatan Ai juga menekankan soal nilai dan beberapa pertimbangan yang harus sesuai dengan akidah, keyakinan agama kita, nilai kita, budaya kita, kepelbagaian kita, maka harus dilatih anak-anak dalam bidang Ai termasuk yang akan menjadi yang dikatakan kartunis ini. Pertama, menguasai ilmu itu dan memasukkan juga elemen budaya, agama, nilai, supaya yang dilontar dan dimuntahkan oleh mesin itu juga mengambil kira beberapa pandangan kita.
13. Itu satu hal dan yang lain itu ialah tentang masalah copyright, masalah jaminan bukan saja kartunis tapi juga seniman seni, filem,

puisi, kerana kadang-kadang, dia memamatkan yang disebut kekuatan daya cipta dan keupayaan seorang seniman melakar.

14. Jadi harus ada juga beberapa peruntukan perundangan. Kementerian Digital dan Kementerian Komunikasi perlu mengambil kira untuk menetapkan supaya negara kita ini tidak hanya mengikut acuan yang ditentukan oleh dunia luar dan kemudian terperangkap, menghilangkan jati diri, nilai yang harus dipupuk di sini.
15. Ini yang julung-julung kali saya dengar Zunar yang agak lebih serius. Seperti biasa, dia tak formal, the setting so formal jadi dia pun agak formal speech, dia pun cakap seperti Yang Berhormat sekarang (nada seloroh). Sebab Zunar ini, dia mangsa Akta Hasutan. Kadang-kadang saya bercakap dengan Azizah, saya kadang-kadang sedih juga lah, terasa juga sebab kebanyakan derita dialaminya, beban keluarga, itu sebab dia memilih untuk menyokong saya. Jadi at least sebagai loyal friend Zunar, saya tak pernah lupa.
16. Walaupun ramai kawan-kawan saya mengatakan Anwar ini sibuk, nak jumpa pun susah termasuk Nazri. Tetapi saya tak lupa. Cuma tanggungjawab menuntut kita melakukan begini dan kadang-kadang perubahan, dia essentially is a reformist. Walaupun dia agak lebih tenang dan lebih bersabar kerana dia faham, kenal saya. Tapi dia juga resah kerana dia menginginkan satu perubahan itu, dia lebih cepat.
17. Tapi selalu saya tekankan kepada teman-teman, termasuk Pengerusi SUHAKAM, Dato' Hisham, bahawa untuk melakukan perubahan itu

kita mesti juga mengambil kira persekitaran. Fikir, langkah dengan bijak semua revolusi dalam sejarah, termasuk perubahan Revolusi Eropah Timur selepas runtuhnya Soviet Union, itu melihat kepada keupayaan pimpinannya. Terlalu pantas buat perubahan, negara hancur. Terlalu lambat, ditolak oleh rakyat jadi pertimbangan dan kebijaksanaan itu sangat perlu. Dan jangan kita andaikan bahawa kita lakukan ini dalam satu lompongan, dalam vakum. Kita bergerak dengan keterbatasan, tuntutan kuat. Terlalu laju, tersungkur. Terlambat akan disingkir. Jadi kebijaksanaan itu penting.

18. Dan rakan-rakan yang komited untuk meneruskan agenda perubahan untuk menyelamatkan negara harus tahu kekangan ini. Apa lagi dalam dunia yang lebih bebas dan dengan media sosial yang tidak terurus dengan nilai dan akhlak.
19. Saudara Zunar bicara soal nilai, mana ada nilai? Maknanya fitnah menjadi budaya maki hamun dan hasut diterima sebagai satu hal yang biasa. Jadi sebab itu, proses pendidikan dan ucapan Mastura ada cabaran yang lebih besar.
20. Saya akhiri hanya dengan menyatakan kebanggaan saya di gedung ini kerana reformasinya, MADANI itu tidak akan berjaya hanya dengan pertumbuhan ekonomi tanpa pemerksaan budaya. Dan pemerksaan budaya itu dengan kekuatan ilmu mereka. Kekuatan ilmu itu berpangkalan juga di perpustakaan seperti ini.

21. Jadi tahniah kepada Menteri Besar dan tentunya dari idea ke Bawah Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan yang mahu bangga dengan gedung ini dan bukan sahaja begitu, tapi menjadi satu tarikan hebat. Menjadikan gedung ini gedungnya mesra dengan anak-anak yang tunjukkan prihatin. Dia tidak terjadi gedung yang terpisah daripada kenyataan. Dunia di luar itu menghadapi, dihipit dengan kemiskinan, dengan truancy, dengan anak yang tak ke sekolah dan gedung ini sekurang-kurangnya ada usaha yang membanggakan dan seluruh keluarga Perpustakaan. Jadi saya ucap terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/07/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-perasmian-buku-biografi-seni-lengkap-zunar-dalam-bidang-kartun-2/>